

## MENGHAYATI KESAN RAMADAN

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ  
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أَنَّىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيٰوةً طَيِّبَةً <sup>ط</sup> وَلَنُجْزِيَنَّهُمْ

أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٩٧﴾

أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa Taala dengan melaksanakan suruhan dan menjauhi larangan-Nya. Mudah-mudahan kita beroleh keampunan di dunia dan akhirat.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.**

Ramadan baru sahaja berlalu, hari ini kita berada pada bulan Syawal. Perginya Ramadan meninggalkan kesan yang mendalam pada kehidupan kita. Didikan Ramadan yang telah mendisiplinkan diri kita dari mula bangun bersahur sehingga kita tidur semula, memberikan suatu pengisian yang sangat bermakna dalam menjalani kehidupan ini. Alangkah baiknya, kita dapat mengekalkan amalan harian sepertimana hari-hari Ramadan yang kita lalui selama sebulan yang lalu.

Ramadan yang dipenuhi dengan tuntutan fardhu mahupun sunat seperti solat berjemaah di masjid atau surau, bersedekah, istiqamah dalam membaca al-Quran, berqiamullail dan pelbagai ibadah lain.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Hari ini kita berada pada awal bulan Syawal yang merupakan bulan kemenangan umat Islam setelah melalui jihad melawan hawa nafsu sepanjang bulan Ramadan yang lalu. Sudah menjadi kebiasaan dalam kalangan kita umat Islam di negeri ini mengadakan amalan ziarah menziarahi di samping menghubungkan silaturrahim sesama kita dan amalan seumpama ini adalah menghidupkan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Inilah masa yang sesuai bagi kita untuk menghubungkan kembali sillaturrahim. Mungkin sebelum ini ada antara kita berlaku ketegangan, salah faham atau perselisihan yang membawa kepada bermacam muka dan tidak bertegur sapa, maka ambillah peluang bulan yang penuh berkat ini untuk mengeratkan kembali hubungan yang kian pudar.

Begitulah indahnya Islam mengajar kita, melaksanakan tuntutan berziarah, bukanlah juadah makanan yang diutamakan, akan tetapi hikmah disebalik amalan ziarah tersebut dapat mengeratkan silaturrahim dengan bersalam-salaman di samping memohon kemaafan. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah al-Hujurat ayat 10:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٠﴾

Yang bermaksud: *Sebenarnya orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala,

Islam mengajar kita melakukan sesuatu perkara secara bersederhana. Dalam keghairahan sesetengah kita meraikan aidilfitri dengan mengadakan rumah terbuka dengan hidangan makanan yang ringan, janganlah sampai pembaziran.

Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah al-Isra' ayat 26-27:

وَأَتِ ذَا الْقُرْبَىٰ حَقَّهُ وَالْمِسْكِينَ وَابْنَ السَّبِيلِ وَلَا تُبَذِّرْ تَبْذِيرًا ﴿٢٦﴾ إِنَّ الْمُبَذِّرِينَ كَانُوا

إِخْوَانَ الشَّيَاطِينِ ۗ وَكَانَ الشَّيْطَانُ لِرَبِّهِ كَفُورًا ﴿٢٧﴾

Yang bermaksud: *Dan berikanlah kepada kerabatmu, orang miskin dan orang musafir akan haknya masing-masing. Janganlah engkau membelanjakan hartamu dengan boros. Sesungguhnya orang yang boros itu adalah saudara-saudara syaitan, sedangkan syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada tuhanannya.*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala,

Dalam kesibukan kita memenuhi jemputan dan menziarahi sanak saudara dan sahabat handai, janganlah kita lupa melaksanakan amalan yang sangat dituntut iaitu berpuasa 6 hari pada bulan Syawal.

Sangat besar pahalanya bagi orang yang berpuasa sunat 6 hari pada bulan Syawal. Ini membuktikan rahmat dan kasih sayang Allah Subhanahu wa Taala kepada hamba-Nya. Oleh itu hendaklah kita mengambil peluang ini. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ ثُمَّ أَتْبَعَهُ سِتًّا مِنْ شَوَّالٍ كَانَ كَصِيَامِ الدَّهْرِ

Yang bermaksud: *Barang siapa yang berpuasa Ramadan kemudian diikuti dengan puasa enam hari pada bulan syawal, seolah-olah dia berpuasa sepanjang tahun.*

Dari minbar hari ini menyeru kepada para jemaah semua agar dapat melakukan amalan sunat ini. Alangkah ruginya, sesiapa yang tidak dapat melaksanakannya, kerana ia datang hanya setahun sekali sedangkan kita mengetahui akan fadhilat serta kelebihanannya yang amat besar.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala,**

Segala ibadah yang dilaksanakan sepanjang Ramadan yang lalu, hendaklah dikekalkan agar dapat melahirkan insan yang sihat zahir dan batin serta mempunyai akal yang cergas sebagaimana kata-kata hukama':

العقل السليم في الجسم السليم

Yang bermaksud: *Akal yang sihat pada tubuh badan yang sihat*

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَقُلْ أَعْمَلُوا فَسِيرَى اللَّهِ عَمَلِكُمْ وَرَسُولِهِ، وَالْمُؤْمِنُونَ وَسُتْرُدُّونَ إِلَىٰ عِلْمِ الْغَيْبِ

وَالشَّهَادَةِ فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٠٥﴾

Yang bermaksud: *Katakanlah (Wahai Muhammad):” Beramallah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan Rasul-Nya serta orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian Dia memberitahu kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan.”*

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ وَاسْتَغْفِرُ اللَّهُ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوْهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِيْنَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِيْنَ